

BAB V

BAB V

KESIMPULAN DAN SARANAN

Kajian ini merupakan perbincangan mengenai sumbangan yang telah diberikan oleh Sheikh Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih dalam bidang tafsir dengan meletakkan kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman sebagai kajian khusus. Perbincangan ditumpukan kepada kedudukan dan perkembangan ilmu tafsir yang bermula sejak zaman Rasulullah hingga sekarang dengan menghuraikan beberapa orang tokoh dalam bidang tersebut. Kemudian kajian dibuat terhadap salah seorang daripada mereka iaitu Sheikh Abdullah Basmeih dengan menjelaskan sumbangan-sumbangan yang telah diberi secara umum. Seterusnya perbincangan khusus terhadap kitab tulisannya Tafsir Pimpinan al-Rahman yang merupakan sumbangan terbesar beliau dalam bidang tafsir.

Hasil dari fakta-fakta dan penelitian yang dilakukan melahirkan beberapa kesimpulan. Di samping itu, saranan-saranan turut dikemukakan sebagai satu usaha untuk membantu pihak-pihak tertentu memperkayakan lagi khazanah ilmu Islam dan membina pemikiran umat Islam yang banyak mengingati tokoh-tokoh selain dari cendekiawan muslim. Walaupun Tafsir Pimpinan al-Rahman dipasarkan secara

meluas namun boleh dikatakan dua puluh peratus sahaja yang mengetahui bahawa Abdullah Basmeih adalah penulis dan penyusun kitab tersebut.

Sebagai penutup kajian disertasi ini, penulis mengemukakan beberapa kesimpulan dan saranan agar ianya dapat dimanfaatkan umat Islam khususnya dalam usaha untuk menghayati ajaran Islam yang terkandung di dalam kitab suci al-Quran. Juga kepada pihak-pihak berwajib, semoga kajian ini dapat membuka ruang kepada usaha-usaha yang lebih mantap dan berkesan untuk memelihara pemikiran umat Islam yang telah menyimpang dari ajaran sebenar.

5.1 KESIMPULAN

1. Sejarah telah membuktikan bahawa Islam telah menerajui kepimpinan manusia dengan al-Quran setelah dunia berada di dalam kegelapan jahiliah. Generasi rabbani para sahabat yang telah dibentuk oleh Rasulullah s.a.w. berjaya mendidik generasi seterusnya berpandukan apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran. Kejayaan mereka adalah kerana mereka betul-betul memahami dan menghayati isi kandungan kitab suci tersebut kemudian mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka.

2. Ajaran Islam menuntut kita mengaji secara jelas dan tepat tentang isi kitab al-Quran al-Karim. Oleh itu langkah yang perlu diambil ialah bertindak memahami dan mempelajarinya dengan baik dan ia tidak dapat dicapai melainkan dengan ilmu tafsir. Oleh itu kewujudan kitab tafsir yang berbahasa melayu amat diperlukan.

3. Ilmu tafsir al-Quran merupakan salah satu ilmu syariah yang paling mulia dan tinggi kedudukannya kerana pokok persoalan dan topik perbincangannya adalah kandungan kitab suci al-Quran. Umat Islam diwajibkan mengetahui tafsir untuk menyingkap makna-makna yang terkandung serta memahami tuntutan al-Quran seterusnya melaksanakan segala perintahnya. Di samping itu, mereka juga diamanahkan untuk menyampaikannya kepada orang lain.

4. Al-Quran adalah kitab agung lagi suci, merupakan panduan hidup untuk kita sebagai umat nabi Muhammad s.a.w. Inilah satu-satunya harta pusaka yang ditinggalkan oleh nabi kita kepada umatnya. Orang yang mempelajari dan memahami serta mengamalkan isi-isi al-Quran itu beerti ia memahami kehendak Allah s.w.t.

5. Pengajian tafsir di Malaysia mula berkembang pada kurun ke 17M manakala penulisan dan terjemahan pula pada kurun ke 19M seiring dengan perkembangan pengajian pondok dan perkembangan teknologi. Walau bagaimanapun semasa negara di bawah cengkaman penjajah Inggeris, segala aktiviti termasuk pendidikan dikawal oleh mereka. Hanya setelah negara mencapai kemerdekaan, baharulah pengajian tafsir mendapat perhatian semula dan dijadikan salah satu matapelajaran yang wajib dipelajari di sekolah dan pusat pengajian tinggi. Namun begitu sistem pengajian secara pondok yang terbukti keberkesannya masih diamalkan, malah berkembang dengan pesat terutamanya di Kelantan, apatah lagi apabila melihat kepada kejayaan mereka melahirkan ilmuan-ilmuan Islam yang berwibawa dan diakui sebagai ulama.

6. Masyarakat Islam di Malaysia amat memerlukan kitab-kitab tafsir yang berbahasa Melayu kerana sebilangan besar daripada mereka tidak mengetahui bahasa Arab. Di samping itu mereka dituntut memahami maksud kandungan al-Quran dan juga digalakkan mengetahui berbagai ilmu di dalamnya seperti akidah, syariat, hal-hal kemasyarakatan dan sebagainya. Minat masyarakat

hari ini yang begitu tinggi untuk mengetahui Islam dari sumbernya yang asal turut menjadi sebab mereka amat memerlukan kitab-kitab tafsir bahasa Melayu sama ada kitab karangan asal atau terjemahan.

7. Penulisan tafsir di Malaysia mula dikesan pada kurun ke 17 apabila Syeikh Abdul Malik berusaha menterjemah kitab Tafsir Baydāwī. Selepas tahun 1909, penulisan tafsir mula berkembang dengan luas. Tok Kenali dari Kelantan pernah berusaha menterjemah kitab Tafsir al-Khazin dan Tafsir Ibn Kathir, tetapi tidak sempat dicetak. Antara kitab yang ditulis dengan tulisan asal dan lengkap 30 juzuk ialah kitab Tafsir Nur al-Ihsan karangan Tuan Haji Muhammad Said pada tahun 1934. Manakala kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman merupakan kitab yang kedua seperti itu dan ditulis oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan disemak oleh Tuan Haji Muhammad Noor Ibrahim.
8. Sheikh Abdullah Basmeih merupakan salah seorang tokoh dalam bidang penulisan Islam dan terjemahan. Pendidikan awal yang diterima semasa di Masjid al-Haram dan minat membaca yang dipupuk sejak kecil telah menjadikan beliau seorang yang mampu memahami dan menguasai bahasa

Arab dengan baik. Selain dari bersekolah di Sekolah Melayu Pengkalan Balak, perkenalan dengan beberapa orang tokoh penulis seperti Za'ba, Kajai dan lain-lain sewaktu di Singapura telah banyak membantu beliau melakukan terjemahan yang baik.

9. Pengalaman Sheikh dalam bidang penulisan di Syarikat Qalam Press dan Syarikat Utusan Melayu serta hasil karya beliau yang banyak tentang Islam antara faktor kenapa beliau terpilih untuk menyambung kerja-kerja terjemahan dan mentafsir al-Quran di Jabatan Perdana Menteri. Kesungguhan kerja dan rasa tanggungjawab yang tinggi juga membolehkan beliau menyiapkan Tafsir Pimpinan al-Rahman dalam masa lima tahun iaitu suatu jangkamasa yang agak pendek jika hendak dibandingkan dengan kerjanya yang agak rumit.
10. Sebahagian besar karya yang dihasilkan oleh Sheikh adalah berkenaan agama Islam sama ada tulisan asal atau terjemahan. Karya yang dihasilkan merangkumi bidang akidah, sejarah tokoh-tokoh dan pemimpin Islam, bidang fikah, hadis dan tafsir. Oleh kerana itu, beliau bolehlah dianggap telah

memberi sumbangan yang amat besar kepada penulisan Islam khususnya di negara ini.

4

11. Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman adalah sumbangan terbesar Sheikh dalam bidang tafsir memandangkan itulah kitab tafsir bahasa Melayu yang lengkap 30 juzuk siap diterjemah dan dibuat huraian ringkas. Walaupun sebelum itu, sudah ada karya beliau dalam bidang tersebut, namun ia adalah karya terjemahan dan tertumpu kepada juzuk 30 sahaja. Dengan siapnya Tafsir Pimpinan al-Rahman, maka lengkaplah usaha beliau dalam bidang tersebut.

12. Untuk menghasilkan kitab Pimpinan al-Rahman, beberapa proses telah dilakukan oleh Sheikh iaitu Pertama, beliau membaca kitab-kitab tafsir dan mengkaji pendapat dan pentafsiran terlebih dahulu. Kedua, beliau akan memilih pendapat yang paling sesuai untuk masyarakat di Malaysia tanpa terikat dengan mazhab tertentu. Ketiga, beliau akan melakukan usaha menterjemah ke dalam bahasa Melayu. Keempat, apabila beberapa juzuk telah siap, beliau akan berjumpa Tuan Haji Muhammad Noor Ibrahim untuk disemak sebelum ditaip.

13. Terdapat tiga perkara utama yang telah diberi penekanan oleh Sheikh dalam menyusun kitab Pimpinan al-Rahman iaitu dengan meletakkan mukadimah yang menerangkan secara ringkas isi kandungan sesebuah surah. Kemudian, menterjemah semua ayat-ayat al-Quran ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah terjemah *ma'nawiyah asljyyah*. Seterusnya, membuat penjelasan dan pentafsiran terhadap beberapa tempat yang memerlukan dengan menggunakan kaedah terjemah *tafsiriyyah*.
14. Secara keseluruhan, tafsiran atau huraian yang dilakukan oleh Sheikh di dalam kitabnya adalah terlalu ringkas, walau bagaimanapun ianya memadai bagi pembaca yang ingin mengetahui terjemahan ayat dengan tepat dan tafsiran yang ringkas. Antara perkara yang biasa diberi penjelasan ialah sebab turun ayat, hubungan ayat dengan ayat sebelumnya, kisah umat terdahulu, peristiwa-peristiwa peperangan, makna perkataan yang pelik dan beberapa istilah tertentu, pendapat-pendapat ulama secara ringkas tanpa memberitahu nama mereka. Selain dari itu ayat-ayat yang menyentuh tentang akidah biasanya diberi perhatian yang lebih berbanding dengan ayat-ayat hukum.

15. Kitab Pimpinan al-Rahman ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat Islam khususnya di negara ini memandangkan keistimewaan-keistimewaan yang tersendiri antaranya ialah gaya bahasanya yang mudah difahami dan sumber rujukannya adalah terdiri daripada kitab-kitab yang muktabar. Disamping itu ia juga telah diakui oleh pihak yang berwajib dan telah sekian lama menjadi rujukan umat. Seterusnya cetakan kitab ini dalam dua edisi jawi dan rumi mengikut Rasm Uthmani juga menjadi faktor yang menyebabkan ianya menjadi pilihan utama.

5.2 SARANAN

Setelah mengemukakan beberapa kesimpulan hasil dari kajian ini, penulis menyenaraikan pula beberapa saranan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada usaha untuk memperkayakan lagi khazanah Islam terutama di Malaysia. Saranan-saranan tersebut ialah:

5.2.1 Saranan kepada Orang Awam

1. Untuk melihat sekali lagi kejayaan umat Islam menakluki sebahagian besar dunia ini, setiap pihak mesti berperanan. Setiap individu umat Islam wajib memperlengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan terutama ilmu-ilmu

yang berkaitan dengan al-Quran. Al-Quran bukan sekadar dibaca dan diperdengarkan di majlis-majlis, malah perlu dikaji isi kandungannya agar segala amalan yang dilakukan bertepatan dengan tuntutan Allah s.w.t. Justeru itu umat Islam disarankan agar menyertai majlis-majlis ilmu terutama ilmu tafsir dengan harapan agar mereka memahami Islam seterusnya mampu mentarbiyah keluarga, masyarakat dan sebagainya.

2. Umat Islam disarankan agar menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang banyak mempelajari ilmu-ilmu al-Quran kerana amat jarang sekali kedengaran mereka yang mendapat didikan agama terjebak di dalam budaya kuning. Iubapa juga digalakkan menyediakan segala kemudahan untuk mempelajari ilmu tafsir terutamanya melalui guru al-Quran, kaset-kaset, komputer dan sebagainya sebagai alternatif untuk mereka mendekati diri dengan kebaikan. Berkunjung ke rumah sahabat yang baik dan menziarahi alim ulama termasuk di dalam perkara yang dianjurkan.
3. Setiap individu umat Islam disarankan memiliki kitab al-Quran yang mempunyai terjemahan ke dalam bahasa yang mudah difahami agar ia dapat dijadikan

yang berkaitan dengan al-Quran. Al-Quran bukan sekadar dibaca dan diperdengarkan di majlis-majlis, malah perlu dikaji isi kandungannya agar segala amalan yang dilakukan bertepatan dengan tuntutan Allah s.w.t. Justeru itu umat Islam disarankan agar menyertai majlis-majlis ilmu terutama ilmu tafsir dengan harapan agar mereka memahami Islam seterusnya mampu mentarbiyah keluarga, masyarakat dan sebagainya.

2. Umat Islam disarankan agar menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang banyak mempelajari ilmu-ilmu al-Quran kerana amat jarang sekali kedengaran mereka yang mendapat didikan agama terjebak di dalam budaya kuning. Ibumama juga digalakkan menyediakan segala kemudahan untuk mempelajari ilmu tafsir terutamanya melalui guru al-Quran, kaset-kaset, komputer dan sebagainya sebagai alternatif untuk mereka mendekati diri dengan kebaikan. Berkunjung ke rumah sahabat yang baik dan menziarahi alim ulama termasuk di dalam perkara yang dianjurkan.

3. Setiap individu umat Islam disarankan memiliki kitab al-Quran yang mempunyai terjemahan ke dalam bahasa yang mudah difahami agar ia dapat dijadikan

panduan untuk memahami isi kandungan al-Quran dengan lebih terperinci. Dalam hal ini, Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman adalah pilihan terbaik berdasarkan beberapa faktor dan yang paling penting adalah bahasa yang terdapat di dalamnya mudah difahami oleh semua peringkat. Bukan sahaja orang awam yang digalakkan memilikinya malah para pelajar, pengkaji dan golongan intelektual yang sering berhadapan dengan masyarakat awam.

5.2.2 Saranan Kepada Agensi Kerajaan

1. Pihak kerajaan perlu mewujudkan lebih banyak lagi tempat-tempat pengajian tafsir untuk mempelajari segala ilmu yang berkaitan dengannya. Ini adalah untuk melahirkan golongan cendekiawan yang benar-benar mahir dalam segala ilmu yang berkaitan dengan pengajian tafsir al-Quran. Di samping itu, perlu diwujudkan kelas bahasa khusus untuk pelajar-pelajar yang berminat di dalam bidang penterjemahan. Usaha ini perlu diadakan segera memandangkan jumlah mereka yang mampu melakukan penterjemahan dengan baik amat sedikit.
2. Pihak kerajaan disarankan bersikap lebih terbuka dan memberi sokongan yang sewajarnya dari sudut material dan spiritual terhadap semua individu muslim yang ingin berjuang di jalan Allah sama ada dengan lisan atau mata pena.

Penglibatan mereka di dalam usaha untuk merubah masyarakat agar bertambah harmoni adalah suatu yang perlu diberi penghargaan. Sesungguhnya mereka telah mengorbankan tenaga dan masa demi melihat masyarakat bertambah sejahtera.

3. Pihak kerajaan perlu menerapkan kesediaan untuk berkongsi idea dengan para ulama dan penulis Islam dalam usaha menjayakan dakwah Islamiah dan memartabatkan ilmu tafsir di Malaysia. Sementara itu pembabitan para cendekiawan dan penulis Islam dalam program pembangunan negara amat perlu untuk memastikan bahawa pembangunan rohani dan material dapat berjalan seiring sehingga dapat menepis segala kemungkaran yang lahir selari arus kemodenan di negara ini.

4. Pihak kerajaan disaran mengadakan saluran tambahan di radio dan televisyen untuk diisi dengan rancangan-rancangan yang lebih berfaedah. Tindakan kerajaan Mesir mewujudkan satu saluran yang membincangkan perkara yang berkaitan dengan al-Quran dan agama patut dicontohi oleh kerajaan lain. Selain daripada itu, pihak kerajaan yang menguasai sepenuhnya media massa sama ada media cetak atau elektronik seharusnya memberi peluang yang sebaik mungkin kepada

para alim ulama menggunakan media tersebut untuk memahamkan kepada masyarakat tentang segala isi kandungan al-Quran.

5.2.3 Saranan kepada JAKIM

1. Pihak JAKIM dengan kerjasama penerbit Darulfikir disarankan menyelaraskan kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman edisi jawi dan rumi agar tidak timbul kekeliruan tentang beberapa kekurangan yang ada pada kitab edisi rumi. Ini adalah kerana sebahagian besar dari masyarakat Islam di Malaysia lebih gemar membeli kitab edisi rumi jika dibandingkan dengan edisi jawi.
2. JAKIM juga disarankan mempelbagaikan bentuk dan saiz kitab Pimpinan al-Rahman agar dapat memberi kemudahan kepada pelbagai pihak untuk menggunakannya. Saiz yang lebih kecil memudahkan pembaca membawa dan menggunakannya di mana-mana. Kitab edisi jawi yang dibahagikan kepada 30 jilid dan setiap satunya agak nipis adalah suatu usaha yang patut diberi pujian. Diharapkan selepas ini dilakukan juga kepada kitab edisi rumi.
3. Mencari semula buku-buku dan kitab-kitab yang telah dihasilkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih sama ada di rumah beliau, kedai-kedai buku di Singapura atau

di perpustakaan lain agar ia dapat dimanfaatkan bersama oleh masyarakat Islam. Selepas itu diharapkan dapat mewujudkan satu rak buku di Perpustakaan Awam Pusat Islam yang memuatkan segala hasil karyanya. Usaha ini sudah tentu dipandang sebagai keprihatinan pihak JAKIM memelihara khazanah ilmu Islam dan penghargaan dari pihak JAKIM yang diberikan kepada penulis atau kakitangan yang pernah berkhidmat dengannya.

4. JAKIM disarankan meneruskan kerja-kerja mengumpul hadis dalam siri Mastika Hadith Rasulullah s.a.w. dengan mencari penterjemah dan ulama yang berkemampuan setanding dengan Sheikh Abdullah Basmeih atau berkelayakan melakukannya. Siri ini perlu diteruskan ekoran dari kurangnya kitab hadis yang disusun mengikut cara sedemikian.
5. Pihak JAKIM juga hendaklah memastikan bahawa tidak berulangnya kesilapan-kesilapan yang lalu dengan mengadakan semakan yang lebih teliti sebelum kitab ini disebarikan kepada umum.

5.2.4 Saranan kepada Penuntut

1. Para penuntut disarankan agar lebih ramai lagi dari mereka yang memilih jurusan tafsir memandangkan⁴ kepada kekurangan mereka yang benar-benar berkebolehan dan berkemampuan dibidang tersebut. Di samping itu mereka juga amat digalakkan mengambil bidang ini berdasarkan kedudukannya yang tertinggi dalam islam kerana pokok perbincangannya berkaitan langsung dengan isi kandungan al-Quran.
2. Kepada para penuntut yang telah berada dibidang ini supaya lebih bersungguh-sungguh untuk mendalami nya sehingga dapat digelar sebagai ulamak tafsir yang betul-betul mantap sehingga dapat menghasilkan kitab-kitab tafsir yang lebih luas hurainya berbanding dengan apa yang ada sekarang.

5.2.5 Saranan Kepada Para Ulama

Harapan kepada para ulama agar lebih ramai lagi tampil untuk menghasilkan lebih banyak karya asli dalam bidang penulisan Islam terutamanya tafsir bagi menampung keperluan masyarakat dan membantu mereka dalam memahami al-Quran.